

~~Time~~ 10 mins.

(National 27)

Ketahanan
Negara
(Resilience)

~~604-223/80~~

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,

PRESIDEN UMNO MALAYSIA,

DI

~~KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN~~

AGONG UMNO YANG KE 31, PADA

HARI JUMA'AT 4HB. JULAI, 1980

JAM 9.30 PAGI, DI NIRWANA BALLROOM,

HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR.

ISI KANDUNGAN UCAPAN

| <u>PARA</u> | | <u>PERKARA</u> |
|-------------|---|--|
| Para 5-10 | : | <u>Kepimpinan dan Demokrasi</u> |
| Para 11-12 | : | <u>Konvensyen UMNO Negeri</u> |
| Para 13-16 | : | <u>Ekonomi</u> |
| Para 17-23 | : | <u>Pembasmian Kemiskinan</u> |
| Para 24-25 | : | <u>Perbadanan Awam</u> |
| Para 26-28 | : | <u>Jentera Pelaksanaan</u> |
| Para 29-30 | : | <u>Pelajaran</u> |
| Para 31 | : | <u>Ugama</u> |
| Para 32-36 | : | <u>Dasar Luar Negeri</u> |
| Para 37-42 | : | <u>Pertahanan</u> |
| Para 43-47 | : | <u>Peranan Semasa dan Masa Depan UMNO.</u> |

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1. Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, ~~Majlis,~~
2. Yang Amat Berhormat, ~~Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed,~~
Timbalan Presiden,
3. Yang Berhormat, Naib-Naib Presiden,
5. Ketua-Ketua Dan Wakil-Wakil Parti Anggota Barisan
Nasional,
4. Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO.
6. Dif-dif Kehormat,
7. Para Perwakilan dan Pemerhati,
8. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bismilla-hir-Rahma-nir-Rahim.

1. Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, yang telah mengizinkan kita, dan melimpahkan rahmatNYA keatas kita, untuk bersama-sama menjayakan Perhimpunan Agung UMNO yang ke 31 ini. Marilah kita berdo'a semoga Perhimpunan kita yang penting dan mulia ini, mendapat hidayat dan pertunjukNYA.

2. Perhimpunan Agung kita kali ini, setelah diadakan konvensyen di negeri-negeri, oleh Parti dan Negara. Kita misblich berani mempunyai landasan yang lebih teratur, dan sewajarnya boleh membawa hasil yang lebih berkesan. Mengikut pindaan kepada

2.

Perlembagaan yang diluluskan pada tahun lalu, Badan-badan Perhubungan UMNO negeri-negeri, dikehendaki menganjurkan Konvensyen. Saya yakin, asas-asas perbincangan di dalam Konvensyen, dapat meningkatkan lagi penyertaan dan perhatian kita, terhadap isu-isu yang kita tumpukan di dalam Perhimpunan Agung ini. Bersama-samalah kita mengukuhkan ^{tay-kad} tekad, untuk mengatasi cabaran semasa yang dihadapi oleh Parti dan Negara. Kita mistilah berani menghadapi segala masalah, serta insaf dan berupaya menyelesaikannya secara jujur dan ikhlas.

... 3/-

3.

Semoga, apa jua persetujuan yang dicapai di dalam Perhimpunan Agung ini, akan diberkati Allah, serta dapat memperkukuhkan lagi UMNO dan perjuangannya, disamping dapat membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

3. Pada 10 haribulan ini, istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda, Yang di-Pertuan Agung, akan dilangsungkan. Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda, melambangkan kedaulatan dan perpaduan negara.

Istiadat bersejarah ini, membawa kemegahan kepada kita. Ia merupakan kemuncak kedaulatan

4.

sistem Pemerintahan Beraja mengikut Perlembagaan,
di atas lunas-lunas Demokrasi Berparlimen. Bagi
pihak seluruh ahli UMNO; saya mengucapkan
tahniah Ke Bawah Duli, Seri Paduka Baginda,
sempena saat yang mulia dan bersejarah itu.
Semoga, TUHAN melimpahkan rahmatNYA serta
memberi petunjuk Ke Bawah Duli, Seri Paduka
Baginda, agar Malaysia di bawah naungan peme-
rintahan Baginda, akan menjadi lebih maju,
makmur, aman dan bersatu-padu.

4. Saya juga mengambil peluang ini, untuk
mengucapkan terimakasih kepada dif-dif kehormat

..5/-

5.

dan para jemputan sekalian, yang sudi menghadiri majlis ini. Kepada para perwakilan, saya mengalu-alukan kehadiran mereka, dengan penuh harapan, bahawa dengan fikiran yang terbuka, dan pertimbangan yang waras serta kejujuran, kita akan dapat sama-sama memenuhi tujuan Perhimpunan Agung ini, dengan kejayaan yang tinggi sebagaimana yang diharapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (Politik.)

5. Perkembangan politik dalam beberapa tahun kebelakangan ini, amatlah memuaskan sekali, bagi UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional. Kejayaan kita dalam Pilihanraya Umum 1978 tetap

... 6/-

6.

menjadi kenangan. Kita telah juga memenangi kesemua pilihanraya kecil. Dalam satu kawasan, kita telah berjaya merebut kerusi parti pembangkang.

6. UMNO telah membuktikan keutuhannya melalui zaman, semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1946. Dengan sokongan, kegigihan dan disiplin ahli, serta kejujuran dan kematangan pemimpin-pemimpinnya, UMNO telah dapat mengekalkan kekukuhan, keupayaan dan ketahanannya mentadbir dan membimbing negara.

... 7/-

7.

7. Baru-baru ini, pemilihan pemimpin dalam sebilangan Cawangan dan Bahagian, telah menimbulkan sedikit kekecohan dan kegelisahan di kalangan pihak-pihak tertentu. Kepada saya, persaingan untuk mengisi jawatan-jawatan pemimpin di dalam Parti, adalah satu perkara yang sihat, asalkan proses pemilihan berjalan mengikut landasan Perlembagaan Parti, dan mengikut aturan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Parti. UMNO memang sentiasa mengamalkan sistem demokrasi. Ahli-ahli UMNO bebas memilih pemimpin mereka masing-masing.

...8/-

8.

Sebagai Presiden UMNO, saya berpegang teguh
kepada prinsip demokrasi, dan sentiasa menjunjung
Perlembagaan Parti.

8. Sebagai Parti yang sentiasa memelihara
keutuhan, serta perjuangannya yang berterusan,
UMNO mistilah melahirkan pemimpin-pemimpin,
atau bakal-bakal pemimpin, yang bertanggungjawab,
untuk jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Perjuangan, tanpa meletakkan asas-asas
sambungan kepimpinan dari masa ke semasa,
boleh melemahkan Parti. Pucuk pimpinan Parti,

...9/-

9.

telah menyediakan landasan kebebasan Cawangan dan Bahagian, supaya mereka dapat memupuk kematangan ahli-ahlinya, dalam mengamalkan sistem demokrasi yang diperlukan di dalam Parti kita.

Pentadbiran Parti sentiasa berasaskan kepada prinsip penyebaran kewibaan di tiap-tiap peringkat, dan mistilah dikendalikan secara bertanggungjawab.

Tiap-tiap ahli UMNO memahami Perlembagaan dan peraturan Parti, dalam mana, kebebasan bertindak ditentukan.

...10/-

10.

9. Namun begitu, kita mesti mengawal dan mengawasi, supaya sikap dan tindak-tanduk yang keterlaluan, yang terkeluar daripada Perlembagaan dan peraturan, tidak berlaku, atau dibiarkan berlaku, dengan sewenang-wenangnya. Majlis Tertinggi UMNO, sentiasa mengambil berat di atas yang disiplin Parti, dan di mana/perlu, mengambil tindakan yang sewajarnya, terhadap mereka yang terlibat. Ada setengah-setengah pihak yang memikirkan, bahawa Pucuk Pimpinan Parti, tidak memberi perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini. Pandangan ini adalah tidak tepat.

...11/-

11.

Masalah ini, seharusnya dilihat dalam konteks demokrasi dalam Parti. Tujuannya, ialah untuk mewujudkan suasana yang benar-benar tulin, bagi memupuk kematangan politik UMNO, dan memajukan proses ketahanan dan keutuhan Parti secara sihat.

10. Konsep memperkukuhkan Parti, sebagaimana yang saya jelaskan, hendaklah dilaksanakan sejajar dengan semangat, untuk memupuk kematangan di kalangan ahli-ahli, dan juga untuk menilai kemampuan pemimpin dan bakal-bakal pemimpin Parti, dalam menunai dan melaksanakan tanggungjawab mereka.

12.

Dengan cara ini, maka dapatlah kita menjamin kelahiran pemimpin-pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab, untuk mewarisi Parti dan mentadbirkan negara. Tiap-tiap ahli UMNO hendaklah memahami hakikat ini. Mereka mistilah menggunakan kebijaksanaan, bagi menentukan supaya konsep ini berjalan dengan sihat dan teratur. Saya menggesa ahli-ahli UMNO, supaya menggunakan kewarasan fikiran dalam pertimbangan dan tindakan mereka. Mereka hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan Parti dan negara, di atas lain-lain kepentingan. Saya penuh yakin, dengan

...13/-

13.

suasana berpolitik secara demokrasi, dan dengan sikap bertanggungjawab ahli-ahlinya, UMNO akan menjadi lebih teguh dan kukuh. Keutuhan dan ketahanan Parti, bukan sahaja penting dipelihara dan dikekalkan untuk masa ini, tetapi lebih-lebih lagi penting, untuk masa-masa yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (Konvensyen UMNO.)

11. Saya mengucapkan tahniah kepada Badan-badan Perhubungan UMNO Negeri, kerana telah berjaya menganjurkan Konvensyen mereka masing-masing. Konvensyen yang diadakan itu, telah memberi peluang kepada lebih ramai lagi ahli-ahli

...14/-

14.

Parti, menyumbangkan pandangan, teguran dan syor-syor, di atas perjalanan dan pentadbiran Parti dan Kerajaan. Konvensyen UMNO ini, telah dapat mendekatkan lagi Parti dengan Kerajaan. Hasilnya telah membawa kesan yang lebih bermakna, kepada konsep Parti mendukung Kerajaan. Keutuhan dan ketahanan Parti, akan menjamin konsep ini dapat terus kekal dan berlanjutan.

12. Konvensyen UMNO, dan juga Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah jaya dianjurkan baru-baru ini, telah meletakkan peranan UMNO dan masyarakat Melayu, lebih dekat kepada proses

15.

penggubalan dasar dan perlaksanaan. Perkembangan ini, merupakan satu kemajuan yang sihat, yang boleh meningkatkan lagi, serta memastikan kejayaan pencapaian matalamat pembangunan, terutamanya perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Saya harap, UMNO khususnya, serta masyarakat Melayu amnya, dapat menggunakan peluang ini secara lebih aktif dan berkesan lagi, dalam membantu Kerajaan meneruskan usaha-usaha membangunkan negara. Pengalaman yang diperolehi daripada Konvensyen dan Kongres yang telah diadakan, sudah pasti dapat memperbaiki lagi penyelenggaraan Konvensyen dan apa

...16/-

16.

dua Kongres yang akan diadakan oleh UMNO, dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (*Ekonomi*)

13. Kejayaan kita dalam bidang politik, telah memberi kesan yang baik kepada pembangunan ekonomi negara kita. Dalam jangkamasa lima tahun yang lalu, ekonomi negara telah berkembang dengan kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi, iaitu hampir dengan matalamat 8.5 peratus yang dianggarkan. Memandang keadaan ekonomi dunia yang lembab, pencapaian ini amatlah menggalakkan. Keluaran Negara Kasar Perkapita kita, telah meningkat dari

17.

hampir \$1, 800 dalam tahun 1975, kepada kira-kira \$3, 550 , iaitu lebih kurang dua kali ganda dalam jangkamasa tersebut. Dalam tempuh yang sama, kadar kemiskinan, telah berkurangan dari 44 peratus dalam tahun 1975, kepada lebih kurang 36.7 peratus pada tahun 1978. Dalam tahun 1980, kadar kemiskinan dianggarkan akan terus menurun kepada kira-kira 34 peratus.

14. Dalam jangkamasa lima tahun yang lalu juga, kita telah dapat mewujudkan kira-kira 800 ribu peluang pekerjaan baru. Ini telah dapat mengurangkan

...18/-

18.

kadar pengangguran dari 7 peratus kepada lebih kurang 6.1 peratus.

Keadaan ekonomi yang baik dalam sektor eksport, dan dengan kemasukan pelaburan modal jangka panjang yang banyak, telah menambahkan simpanan tukaran asing kita, kepada lebih kurang sebanyak \$1.8 ribu

*\$9.3
ribu juta*

juta. Ini merupakan salah satu faktor, yang telah

*(\$7.5
ribu juta)*

menjamin kekukuhan ringgit Malaysia, dan mengekal-

*increase
by \$1.8
r.j.*

kannya sebagai salah satu matawang yang terkukuh

di dunia.

15. Kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru

sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Tiga,

...19/-

19.

telah membolehkan Kerajaan menumpukan tenaganya, untuk mempergiatkan lagi pembangunan sektor perindustrian kita. Kita sedang mengubah struktur ekonomi kita, dari semata-mata bergantung kepada pertanian, kepada penekanan terhadap sektor perusahaan, dengan tujuan menambahkan lagi peluang pekerjaan, dan meningkatkan pendapatan selaras dengan matalamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam hal ini, kita mengalami kekurangan tenaga-kerja dalam bidang sains dan teknologi yang sangat-sangat diperlukan. Masalah ini, adalah amat ketara sekali, di kalangan kaum Bumiputera. Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya

20.

untuk meningkat dan memperkuat lagi pelajaran
dan latihan dalam bidang ini, bagi mengatasi
masalah tersebut.

16. Prospek ekonomi dunia dalam setahun
dua yang akan datang, mungkin tidak begitu cerah,
jika dibandingkan dalam beberapa tahun yang lalu.
Permintaan bagi barangan utama seperti getah,
timah, kelapa sawit dan kayu ber-ger-gaji, mungkin
akan berkurangan. Keluaran barang-barang
pembuatan, juga mungkin mengalami kadar perkem-
bangan yang rendah. Walau bagaimanapun,
kita yakin, keadaan ini akan pulih, dan ~~kesannya~~

21.

~~keatas~~ pasaran barangan utama dan barang-barang pembuatan kita, boleh ditingkatkan. Di atas pertimbangan inilah, maka dalam Rancangan Malaysia Ke-Empat, Kerajaan akan meningkatkan dan memperluaskan barangan eksport yang mempunyai potensi dan pasaran. Kerajaan akan menyesuaikan strategi pembangunan perusahaan perkilangan, dengan keadaan ekonomi dunia dan keperluan negara. Di samping itu, Kerajaan akan terus menambah perbelanjaan awam dan meluaskan asas program pembangunan, untuk mempergiat dan menggalak pertumbuhan ekonomi negara.

...22/-

22.

Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kita akan meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha, untuk menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. *(Pembasmian Kemiskinan.)*

17. Sebentar tadi, saya telah menyentuh mengenai kadar kemiskinan di negara kita. Dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kadar kemiskinan di kalangan rakyat telah berkurangan. Dalam sektor pertanian, kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 68 peratus dalam tahun 1970, kepada 49 peratus dalam tahun 1978. Pencapaian

23.

19 peratus ini, amatlah menggalakkan. Kerajaan yakin, kadar kemiskinan dalam sektor pertanian ini, akan dapat terus dikurangkan menjelang tahun 1990, melalui program-program yang sedia ada, dan yang akan dirancang. Diantara program-program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, ialah rancangan pembangunan tanah, program 'in-situ' secara berpadu, dan projek-projek perkhidmatan asas dan kemudahan sosial. Program ini, telah memberi kesan yang besar terhadap usaha untuk meningkatkan lagi pendapatan dan menambahkan kesejahteraan hidup rakyat.

...24/-

18. FELDA telah berjaya memajukan rancangan pembukaan tanah seluas lebih kurang 1.3 juta ekar. Seramai 53 ribu keluarga, atau 320 ribu penduduk, telah mendapat faedah daripada rancangan ini. Pendapatan peneroka-peneroka FELDA, telah meningkat; kejayaan ini amatlah membanggakan. Di samping memberi faedah secara langsung kepada peserta-peserta, kesan-kesannya telah juga dapat dinikmati oleh kawasan yang berdekatan.
19. FELCRA juga telah berjaya melaksanakan 162 rancangan pemuliharaan dan pembukaan tanah, yang melibatkan kawasan seluas lebih 160 ribu ekar,

25.

bagi faedah hampir 21 ribu peserta. Pada masa ini, FELCRA sedang menjalankan beberapa projek percubaan pembangunan berpadu 'in-situ', di Teratak Batu, Kelantan, dan Kampung Kok di Langkawi. Penduduk-penduduk yang terlibat telah berkerjasama sepenuhnya dengan FELCRA, dalam menjayakan projek ini. Program ini, merupakan satu pendekatan baru, yang boleh meningkatkan pendapatan peserta, serta menjamin pengusahaan tanah secara ekonomik.

20. Kerajaan akan memperluaskan lagi pembangunan kawasan-kawasan 'in-situ', ke seluruh negara. Di samping kawasan-kawasan 'in-situ'

...26/-

26.

yang sedang dimajukan di Johor, Selangor, Perak, Trengganu, Kelantan dan Kedah, rancangan ini akan diperluaskan, untuk meliputi kawasan-kawasan di Negeri Sembilan Timor, Endau-Rompin, Pahang Barat, Trengganu Hilir, Melaka, Balik Pulau dan Seberang Prai. Kerajaan juga sedang menimbangakan penubuhan ^{sebuah} satu ~~sebuah~~ agensi khas, untuk memajukan kawasan pertanian di luar Rancangan Pengairan Muda di Kedah.

21. Strategi Kerajaan bagi mengurangkan kemiskinan, tidak hanya terhad kepada usaha-usaha meningkatkan pendapatan sahaja. Sebagaimana

27.

yang telah saya nyatakan tadi, ia juga meliputi usaha-usaha meninggikan taraf hidup melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan sosial.

Dalam Rancangan Malaysia Ke Empat, Kerajaan akan memperluaskan lagi projek-projek jalan luarbandar, Pembangunan Masyarakat, bekalan letrik dan air luarbandar, dan lain-lain.

22. Kerajaan, dalam usaha meninggikan pendapatan petani-petani, sentiasa memberi perhatian yang berat kepada pembangunan sektor pertanian, melalui peningkatan daya pengeluaran sektor ini. Langkah-langkah yang perlu, akan

28.

lagi

dipergiatkan/di bawah Rancangan Malaysia Ke-Empat.

Kerajaan akan mengadakan satu sistem pemasaran ✓

dan jaminan harga, bagi bahan-bahan serta hasil

pengeluaran pertanian yang tertentu. Dengan

cara ini, kita yakin matalamat mengurangkan kemis-

kinan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Usaha-

usaha ini adalah perlu, untuk menambahkan lagi

keyakinan dan kepercayaan rakyat, khususnya mereka

yang tinggal diluar bandar.

23. Bagi menjayakan usaha memaju dan memodenkan

lagi sektor pertanian, Kerajaan akan menyelaraskan

kegiatan-kegiatan agensi-agensi di dalam sektor

29.

pertanian, supaya mereka dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Diantara langkah yang akan diambil, ialah penyusunan semula organisasi dan tugas-tugas agensi-agensi yang berkenaan di dalam sektor ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. *(Perbadanan Awam.)*

24. Sebagaimana kita sedia maklum, Perbadanan Awam mempunyai peranan yang amat penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun sebilangan daripadanya telah mencapai prestasi yang memuaskan, tetapi masih ada Perbadanan-perbadanan yang lemah, yang prestasinya perlu diperbaiki.

... 30/-

Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya, bagi membaiki lagi pengurusan serta meninggikan lagi prestasi perbadanan awam secara keseluruhannya. Sebuah Jawatankuasa Kabinet telah pun ditubuhkan, bagi menyelaraskan pelaburan di kalangan perbadanan awam. Dalam Rancangan Malaysia Ke-Empat, Kerajaan akan mewujudkan satu sistem maklumat pengurusan dan penilaian perbadanan awam. Sistem ini, akan membolehkan Kerajaan mengesan secara terperinci dan menyeluruh, kemajuan perbadanan awam, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

25. Kerajaan akan memindahkan saham dalam Syarikat Amanah kepada Bumiputera dalam tahun 1981. Terdapat Syarikat-Syarikat Amanah Kerajaan yang telah mendapat keuntungan yang baik dan boleh dipindah-milikkan. Dalam usaha pindah-milik ini, Kerajaan akan menentu dan menjamin, supaya faedahnya dapat disebarkan kepada Bumiputera seluas-luasnya. Saya menggesa kaum Bumiputera, supaya membuat persediaan bagi membolehkan mereka menyertai program ini. Kaum Bumiputera hendaklah juga menggunakan peluang yang disediakan dalam program pembangunan

32.

usahawan secara berpadu, yang akan dijalankan oleh Kerajaan. Melalui program ini, Kerajaan akan membimbing usahawan Bumiputera, dalam segala aspek daripada awal sehinggalah mereka berjaya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (*Jentera Pelaksanaan*)

26. Rancangan Malaysia Ke-Empat akan diberi peruntukan yang lebih besar daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan pembangunan yang bertambah di dalam Rancangan Malaysia Ke-Empat, memerlukan keupayaan jentera Kerajaan yang lebih besar. Kerajaan akan menyusun semula jentera pelaksanaannya, serta meningkatkan keupayaannya,

... 33/-

terutamanya di peringkat-peringkat negeri dan daerah. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memperbaiki dan mengemaskan lagi sistem dan prosidur dalam semua aspek pentadbiran, terutama yang berhubung dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan, adalah bertanggungjawab secara langsung bagi memperbaiki dan memodenkan keseluruhan jentera pelaksanaan Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan *mengambil tindakan* akan ~~membuat peruntukan~~ yang sewajarnya, bagi menjamin supaya suasana pentadbiran negara yang berkesan, dapat diwujudkan.

27. Kerajaan sedar, bahawa kelemahan sistem pelaksanaan program dan projek pembangunan, diantara lain, adalah disebabkan wujudnya berbagai agensi yang bertimbal-tindih tugasnya. Sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyusun semula agensi-agensi Kerajaan, dengan tujuan untuk mengemas dan menyesuaikan fungsi serta program pembangunan mereka. Penyusunan semula ini, akan mengurangkan bilangan agensi-agensi Kerajaan yang bertimbal-tindih tugasnya, dan akan dapat menambah kekesanannya pelaksanaan projek, disamping

menjimatkan kos pengurusan.

28. Kerajaan Pusat sedar bahawa Kerajaan-
Kerajaan Negeri, khususnya negeri-negeri yang
kurang maju, menghadapi kesulitan di dalam
memperkemas serta memperbaiki jentera pelaksanaan
di peringkat-peringkat negeri dan daerah. Keadaan
ini timbul dari kekurangan kemampuan Kerajaan
Negeri, untuk menampung perbelanjaan bagi mengadakan
tenaga kerja tambahan yang diperlukan. Memandangkan
hakikat bahawa jentera pelaksanaan di peringkat-
amat
peringkat negeri dan daerah-daerah, adalah/ penting
bagi mencapai matalamat rancangan pembangunan negara,

Kerajaan Pusat akan melipatgandakan bantuan kepada Kerajaan Negeri di dalam usaha memperkemas serta memperkuatkan jentera pelaksanaan dan pentadbirannya. Kerajaan-Kerajaan Negeri mistilah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, dan memberi keutamaan kepada masalah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (*Pelajaran.*)

29. Sebagaimana kita sedia maklum, Dasar Pelajaran kita, telah digubal dan dilaksanakan bagi menjamin pencapaian matlamat perpaduan rakyat dan keperluan pembangunan negara. Ia bukanlah merupakan satu dasar yang diasaskan kepada perasaan dan sentimen, tetapi adalah berpandukan kepada kepentingan masa depan negara dan

37.

rakyatnya yang berbilang kaum. Kerajaan akan meneruskan ~~menjayakan~~ pelaksanaan Dasar Pelajaran ini. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, telah membuat berbagai perakuan. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-Empat, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sesuai, bagi melaksanakan perakuan-perakuan yang telah diterima.

30. Berhubung dengan dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar di semua institusi pendidikan dan pelajaran, Kerajaan telah pun

... 38/-

melaksanakannya secara berperingkat-peringkat.

Di Semenanjung Malaysia, semua mata pelajaran, kecuali Bahasa Inggeris, adalah diajar dalam Bahasa Malaysia. Mulai tahun 1980, semua murid-murid akan hanya mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam pada itu, pengajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, mengikut kurikulum yang ditetapkan, akan diteruskan. Perlaksanaan Dasar Pelajaran, adalah satu tanggungjawab yang telah dipersetujui, dan tidak harus dipersoal dan dipertikaikan lagi. Dasar Pelajaran kita, adalah asas yang amat penting bagi mengukuhkan ketahanan negara.

Hakikat ini hendaklah disedari oleh semua peringkat rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (*Ugama.*)

31. Saya suka menegaskan di sini, bahawa Kerajaan akan terus menjamin kedudukan Islam sebagai Ugama Resmi Negara, dan akan berusaha dengan bersungguh-sungguh lagi, bagi meningkatkan syiar Islam, sambil memelihara hak kebebasan beragama oleh kaum-kaum lain. Dalam menghadapi cabaran dan pergolakan yang pesat, kita perlu mengukuhkan lagi, pegangan kita kepada nilai-nilai keugamaan, supaya kita tidak terpengaruh oleh

40.

unsur-unsur yang boleh meruntuhkan akhlak, serta oleh dorongan hawa-nafsu hendak mengejar kemajuan ~~dan~~ ke bendaan semata-mata.

32. Kerajaan akan terus berjalan dan menggalakkan kegiatan-kegiatan dakwah, untuk menanam serta mengukuhkan lagi semangat dan nilai-nilai keugamaan, yang boleh menjamin kehidupan yang aman dan sejahtera. Namun begitu, kita tidak harus bersikap pelampau atau keterlaluan. Adalah menjadi suatu hakikat, bahawa Kerajaan sentiasa menjunjung tinggi Ugama Islam yang Maha Suci, yang mana taraf dan

...41/-

41.

kedudukannya telah ditentukan oleh Perlembagaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. *(Dasar Luar Negri.)*

33. Kerajaan kita memberi keutamaan kepada hubungan dengan negara-negara Islam. Hubungan yang berasaskan ugama ini, telah berkembang dengan pesatnya, merangkumi berbagai bidang. Dalam bidang politik, perkara yang paling penting ialah masalah Palestin dan Baitul Muqadis. Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Kita menyokong penuh pendirian negara-negara Islam, bahawa penyelesaian masalah Palestin hanya dapat ^{*dikakukan*} ~~diselesaikan~~

dengan pengunduran Israel dari Wilayah-wilayah Arab yang didudukinya. Israel hendaklah mengembalikan hak-hak rakyat Palestin ke atas wilayahnya. Malaysia menjadi ahli Jawatankuasa mengenai Hak-Mutlak Rakyat Palestin di Bangsa-bangsa Bersatu. Kita akan menggunakan forum ini, atau lain-lain peluang, untuk membantu mencari penyelesaian dalam masalah ini. Mengenai kedudukan Baitul Muqadis sebagai tempat yang istimewa bagi umat Islam, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara Islam yang lain, menentang segala usaha Israel hendak menjadikan Baitul Muqadis sebagai Ibu Negaranya.

43.

34. Sebagaimana kita sedia maklum, matlamat Dasar Luar kita, ialah bagi mengekalkan keamanan dan mewujudkan pertalian antarabangsa, yang boleh membawa umat manusia ke peringkat pembangunan yang lebih adil dan pesat. Ketegangan yang wujud sekarang ini, mengancam keselamatan, dan jika tidak diselesaikan, akan melibatkan semua negara dalam perlumbaan senjata.

35. Pertahanan memerlukan perbelanjaan yang amat besar, dan boleh menjejaskan ekonomi negara,

...44/-

44.

Lebih-lebih lagi bagi sebuah negara yang sedang membangun. Di atas hakikat inilah, kita sentiasa berusaha untuk mengurangkan apa-apa ketegangan yang berlaku. Itulah sebabnya, kita telah menganjurkan serta berusaha dengan sedaya upayanya, bagi menjayakan konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali, supaya rantau ini tidak menjadi arena pertikaian kuasa-kuasa besar.

36. Syukur Alhamdulillah, dengan wujudnya ASEAN, pertikaian antara anggotanya telah dapat dielakkan. Di samping itu pula, melalui ASEAN,

...45/-

kita telah mencapai kerjasama yang pesat dan meluas, dalam bidang sosial dan ekonomi. Bagi mengekalkan keamanan, adalah perlu bagi semua negara, mengamalkan prinsip menghormati keutuhan dan kedaulatan negara lain. Prinsip ini, hendaklah dipertahankan oleh semua kuasa yang inginkan keamanan. Kalau tidak, negara-negara kecil akan menjadi mangsa negara, yang cenderung kepada penggunaan kekerasan, untuk campurtangan dalam urusan dalam negeri, negara-negara kecil.

37. Prinsip ini, adalah asas pendirian kita terhadap pergolakan di Kampuchea dan pencerobohan di Afghanistan. Prinsip ini, telah dicabul di kedua-dua negara tersebut. Itulah sebabnya, Malaysia telah tidak mengiktiraf Kerajaan Heng Samrin, kerana jika kita berbuat sebaleknya, maka bermaknalah kita merestui pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea. Dalam perkembangan terakhir, tentera Vietnam telah memasuki wilayah negeri Thai. Tindakan yang merbahaya dan tidak bertanggungjawab ini, merupakan satu ancaman keselamatan di rantau ini. Sebagai jiran negeri

Thai, Malaysia memandang berat dan mengecam tindakan Vietnam itu. Vietnam hendaklah sedar, bahawa tindakannya itu adalah amat merbahaya. Malaysia akan menggunakan semua forum yang terbuka kepadanya, untuk menentang sikap Vietnam yang tidak mengindahkan kedaulatan negara jirannya. Kecaman ini akan terus disuarakan oleh Malaysia dan rakan-rakan ^{nya} ~~kita~~ dalam ASEAN, di Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan Islam, Persidangan Commonwealth dan juga melalui hubungan dua hala.

38. Suasana dan pergolakan politik serantau dan antarabangsa yang masih mencemaskan, membuktikan kepada kita, perlunya kita mengukuhkan lagi ketahanan kita untok menghadapi apajua kemungkinan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (*Pertahanan.*)

39. Kedudukan negara kita, di rantau yang sentiasa bergolak, memerlukan satu kesedaran ke atas keupayaan kita mempertahankan negara.

Hakikat ini, mestilah diinsafi oleh setiap peringkat rakyat ditanahair kita. Masanya telah sampai bagi kita, untok membuktikan kesetiaan kita kepada

negara yang kita cintai ini. Kesedaran dan kesetiaan ini, lebih-lebih lagi diperlukan sejak melihat akhir-akhir ini. Kita sedang/manifestasi keangkohan negara-negara yang sukakan peperangan, mencabuli negara-negara yang lemah.

40. Disamping ancaman dari luar, kita hendaklah juga sentiasa berwaspada terhadap ancaman dalam negeri, yang boleh dibangkitkan oleh anasir-anasir subversif dan pengganas-pengganas komunis. Sunggohpun keadaan keselamatan dalam negeri adalah terkawal, tetapi kita tidak harus lalai dalam tanggungjawab kita

terhadap keselamatan dan pertahanan.

41. Memandang kepada ancaman keselamatan

ini, kita perlu mengukuhkan pertahanan negara.

Kerajaan telah meluluskan satu rancangan per-
kembangan dan pembesaran Angkatan Tentera.

Rancangan ini akan melibatkan semua bahagian

Angkatan Tentera. Kita akan ~~membeli~~ senjata-

senjata moden, membena ^{lagi} pusat-pusat latihan

tentera, tempat-tempat kediaman baru, ~~mengambil~~ ^{menambah}

pegawai-pegawai dan ~~rekrut-rekrut~~ ^{anggota - anggota} baru, serta

meningkatkan ^{lagi} keupayaan dan kemahiran kita dalam

~~tektik-tektik~~ ^{perperangan} pertahanan "conventional" dan

51.

"non-conventional". Beberapa batalion baru tentera darat, akan ditubuhkan, termasuk ~~beberapa~~ regimen ~~khas untuk mengendalikan peralatan seperti~~ keretakebal dan keretaperisai.

42. Tentera Udara Diraja Malaysia, juga akan dilengkapi dengan pesawat-pesawat pejuang jet yang moden, dan mempunyai daya tempur yang lebih sesuai, bagi tujuan pertahanan negara. Sebuah pengkalan latihan di Gong Kedak, Kelantan, dan juga sebuah pengkalan pengangkutan di Subang, akan dibina. Pengkalan baru Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut *sedang di siapkan.* ~~telah hampir~~

....52/-

~~disiapkan.~~ Disamping itu, beberapa pengkalan lagi, akan dibina di beberapa tempat untuk memperkukuhkan pertahanan perairan negara kita.

43. ^{kita} Pertahanan negara/ adalah menyeluruh. Ia tidak seharusnya dibebankan kepada anggota Angkatan Tentera sahaja. Pertahanan negara kita, mestilah melibatkan keseluruhan rakyat.

Oleh itu, negara kita memerlukan satu penyatuan ^{tay-kad} tekad di kalangan semua peringkat rakyat, untuk bersama-sama mempertahankan negara.

44. Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memperkemaskan dan memperkukuhkan lagi jentera pertahanan awam, bagi membantu keupayaan dan kewibawaan Angkatan Tenteranya. Saya menyeru seluruh rakyat, supaya melibatkan diri serta menyertai Sekim Rukun Tetangga, Pertahanan Awam, Polis Simpanan, Rela, Tentera Wataniah, atau mana-mana pertubuhan sukarelawan yang mempunyai tujuan yang sama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. (Peranan.)
UMNO

45. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah berjalan dengan baiknya. Kejayaan kita setakat

ini, adalah nyata, tetapi masih lagi terdapat kelemahan dalam aspek-aspek tertentu. Kerajaan akan terus mengambil tindakan, untuk memperkukuhkan dan memesatkan lagi usahanya melaksanakan pembangunan negara.

46. Di dalam suasana pergolakan politik serantau, dan perkembangan-perkembangan politik antara-bangsa yang mencemaskan, rakyat tidak harus membuang tenaga dengan mengungkit-ungkit masalah-masalah dasar, yang telah kita tentukan bagi negara kita, kerana ini akan menjejaskan keutuhan dan ketahanan negara.

Sekiranya keadaan keselamatan kita terancam, dan pengaruh politik serantau dan antarabangsa melibatkan kita, usaha-usaha pembangunan negara terpaksa ditumpukan kepada keperluan per-tahanan. Rakyat mestilah sedar, bahawa sekiranya perkara ini berlaku, pembangunan dan kemajuan negara kita akan terjejas, dan keseluruhannya rakyat akan mengalami kesulitan.

47. Dalam menghadapi cabaran pembangunan negara, dan kemungkinan ancaman keselamatan, semua pihak -- parti-parti anggota Barisan Nasional, sektor swasta dan rakyat keseluruhannya,

perlulah insaf dan memperkukuhkan ketahanan, dalam apajua bentuk, bagi menghadapi cubaan dan dugaan dalam tahun-tahun lapan pulohan.

48. Peranan UMNO adalah amat penting, dalam menghadapi cabaran semasa dan dalam tahun-tahun lapan pulohan. Setiap ahli UMNO hendaklah insaf, dan mestilah menjalankan segala usaha untuk menjaga imej UMNO sebagai sebuah parti yang kukuh, dengan ahli-ahlinya yang jujur, bersatu dan bertanggungjawab. Mereka hendaklah meletakkan kepentingan parti dan negara, di atas kepentingan peribadi atau perjuangan yang sempit.

Tiap-tiap ahli UMNO hendaklah memikul tanggungjawab memperkukuhkan jentera dan perpaduan parti, serta mengeratkan lagi perpaduan masyarakat Melayu dan negara. UMNO juga hendaklah meningkatkan lagi usaha-usahanya, untuk mendorong dan melibatkan masyarakat Melayu dalam pembangunan, supaya matalamat-matalamat Dasar Ekonomi Baru akan tercapai dalam jangka-masa yang ditetapkan. Disamping itu, UMNO juga hendaklah menjamin supaya kepemimpinan yang wujud di dalam parti, tidak dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak sihat, dan tidak menyeleweng daripada Perlembagaan dan peratoran parti.

49. Kita hendaklah menjamin supaya jawatan-jawatan di dalam parti, tidak dijadikan tempat atau alat, bagi mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengikut disiplin, untuk mengambil kesempatan menguasai parti, bagi mencapai tujuan perjuangan yang sempit. UMNO hendaklah menjadi benteng yang kuat, yang dapat menentang pihak-pihak yang hendak melemahkan perjuangan parti, memecahbelahkan rakyat atau menggugat semangat Perlembagaan negara kita. Sebagai ahli UMNO, tiap-tiap seorang daripada kita, hendaklah memusatkan semua tenaga, bagi menjamin kelohoran perjuangan parti. Kita mestilah dapat menjamin kepimpinan

59.

dan kewibaaan parti secara berterusan. UMNO
tidak harus dikuasai oleh mana-mana pihak atau
individu, yang didorongkan oleh hawa-nafsu dalam
mencapai kejayaan.

50. Kita telah sampai kepada peringkat untuk
menggerakkan jentera, tenaga dan keupayaan parti
serta ahli-ahlinya, dan masyarakat Melayu ~~pada~~
keseluruhannya, di dalam usaha pembangunan.
Kita hendaklah memasuki tahun lapan pulohan, dan
menganggapnya sebagai tempoh bertindak. Tahun
lapan pulohan, mestilah dianggap sebagai tempoh
untuk mengisi peluang-peluang pembangunan
dengan penglibatan rakyat, khususnya masyarakat

.... 60/-

Melayu. Tiap-tiap anggota masyarakat, hendaklah menyusun tenaga dan rancangan bagi melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan. Saya harap, dengan azam dan tekad baru ini, ^{tay-kad} maka dapatlah UMNO terus membimbing negara ke mercu kemajuan, kemakmoran, keamanan dan kebahagiaan yang lebih tinggi, di masa-masa yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

51. Dengan harapan ini, saya dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasihani,

... 61/-



61.

mendoakan semoga Perhimpunan Agong UMNO
Yang Ke 31 ini, mencapai kejayaan.

Wabillahit-taufiq, Walhidayah,

Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.



mendobarkan semoga Perhimpunan Agung UMNO

Yang Ke-31 ini, mencapai kejayaan.

Wabillahi-tauhid, Walhidayah,

Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi

Wabarokatuh.



| | |
|---------------------|--------|
| No Siri | 493 |
| No Penerimaan | 165/80 |